05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HUBUNGAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DENGAN PENERIMAAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN MAYA DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH KINTA SELATAN, PERAK

NORAZNIRA BINTI ISMAIL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji hubungan kepimpinan instruksional pengetua dengan penerimaan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) FROG dalam Daerah Kinta Selatan di Negeri Perak. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kajian tinjauan ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang melibatkan seramai 291 orang guru di sepuluh buah sekolah menengah Daerah Kinta Selatan, Perak. Data diperolehi dan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian secara keseluruhannya menjelaskan amalan kepimpinan instruksional pengetua di Daerah Kinta Selatan adalah pada tahap tinggi manakala penerimaan VLE FROG dalam kalangan guru pula adalah pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi semua dimensi kepimpinan instruksional dalam kalangan pengetua berdasarkan jantina pengetua. Penerimaan VLE FROG pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi konstruk Jangkaan Usaha, Jangkaan Prestasi, Pengaruh Sosial, dan Keadaan Kemudahan berdasarkan faktor jantina dan tempoh pengalaman mengajar. Dapatan kajian daripada analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan penerimaan VLE FROG di sekolah-sekolah yang dikaji. Implikasi kajian ini menunjukkan amalan kepimpinan instruksional pengetua berupaya mempengaruhi penerimaan VLE FROG dalam kalangan guru. Justeru, maklumat ini diharap dapat menjadi asas kepada kajian lanjutan yang lain bagi meluaskan kajian berkaitan pengaruh dan kesan Kepimpinan Instruksional pengetua ke atas penerimaan adaptasi teknologi pendidikan di sekolah selain VLE FROG.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RELATIONSHIP BETWEEN INSTRUCTIONAL LEADERSHIP WITH VIRTUAL LEARNING ENVIRONMENT ACCEPTANCE IN SECONDARY SCHOOLS OF SOUTH KINTA DISTRICT, PERAK

ABSTRACT

This study examines the relationship between principal instructional leadership and Virtual Learning Environment (VLE) Frog acceptance in South Kinta in Perak. This study is a quantitative research study. Survey study was carried out by using a questionnaires involving 291 teachers from ten schools in South Kinta District, Perak. Data was collected and analyzed using descriptive and inferential statistics. The overall findings showed that the principal instructional leadership practices in the South Kinta district was at a high level while the Frog VLE acceptance among teachers was moderate. The study also showed that no significant difference in all dimensions of instructional leadership in terms of principal gender. Frog VLE acceptance showed no significant differences in the constructs of Effort Expectations, Performance Expectations, Social Influence, and Facility Conditions based on gender and teaching experience. The results of the correlation analysis showed that there was a positive correlation between principal instructional leadership practices with Frog VLE acceptance. The implications of this study found that the principal instructional leadership practices seek to influence the Frog VLE among teachers. Therefore, this information could be a foundation for further research in order to expand its influence and impact studies of principal instructional leadership on educational technology adaptation acceptance in schools other than the Frog VLE.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xiv
SENARAI SINGKATAN		xv
SENARAI LAMPIRAN		xvi
BAB 1 PENDAHULUAN		
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	2
1.3	Pernyataan masalah	5
1.4	Objektif kajian	8
1.5	Soalan kajian	8
1.6	Hipotesis Kajian	9
1.7	Kerangka konseptual kajian	10
1.8	Kepentingan kajian	13

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan kajian 15

1.10 Definisi operasional 15

1.10.1 Kepimpinan Instruksional 16

1.10.2 Pengetua 17

1.10.3 Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) FROG 18

1.10.4 Penerimaan VLE FROG 18

1.11 Rumusan 19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 20

2.2 Konsep Kepimpinan 21

2.3 Peranan Pengetua Sebagai Pemimpin 21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Konsep Kepimpinan Instruksional 23

2.5 Teori Kepimpinan Instruksional 25

2.5.1 Model Hallinger dan Murphy (1985) 25

2.5.2 Model Murphy (1990) 27

2.5.3 Model Hallinger (2000) 30

2.6 Amalan Kepimpinan Instruksional 32

2.7 Teknologi Pendidikan 34

2.8 Konsep Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) FROG 35

2.9 Model Penerimaan VLE FROG 37

2.9.1 Model TAM 37

2.9.2 Model UTAUT 39

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 Penerimaan VLE FROG 43

2.11 Kepimpinan Sekolah dan Implementasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi 45

2.12 Rumusan 46

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 48

3.2 Rekabentuk Kajian 48

3.3 Pembolehubah Kajian 49

3.4 Populasi dan Persampelan Kajian 50

3.5 Instrumen Kajian 52

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen 55

3.7 Kajian Rintis 55

3.8 Kaedah Pengumpulan Data 58

3.9 Kaedah Analisis Data 59

3.10 Rumusan 66

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 67

4.2 Ujian Normaliti Statistik Inferensi 68

4.3 Analisis Responden 70

4.3.1 Taburan Responden Berdasarkan Jantina 70

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Taburan Responden Berdasarkan Umur 71

4.3.3 Taburan Responden Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar 72

4.4 Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua 73

4.4.1 Dimensi Pertama: Mentakrif Matlamat Sekolah 74

4.4.2 Dimensi Kedua: Mengurus Program Instruksional 78

4.4.3 Dimensi Ketiga: Menggalakkan Iklim Sekolah 82

4.5 Tahap Penerimaan VLE FROG di Kalangan Guru Sekolah 92

4.6 Perbezaan Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua Berdasarkan Jantina Pengetua 93

4.7 Perbezaaan Tahap Penerimaan VLE FROG di kalangan Guru Sekolah 96

4.7.1 Jantina 96

4.7.2 Umur 98

4.7.3 Tempoh Pengalaman Mengajar 99

4.8 Hubungan Kepimpinan Instruksional Pengetua dengan Penerimaan VLE FROG di Sekolah 100

4.9 Rumusan 102

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 104

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian 105

5.2.1 Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua 105

5.2.2 Tahap Penerimaan VLE FROG Dalam Kalangan Guru Sekolah 109

5.2.3 Perbezaan Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua Berdasarkan Jantina 114

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.4 Perbezaan Tahap Penerimaan VLE FROG Dalam Kalangan Guru Sekolah 115

5.2.5 Hubungan Kepimpinan Instruksional Pengetua dengan Penerimaan VLE FROG di Sekolah 117

5.3 Implikasi Dapatan Kajian 121

5.4 Cadangan 123

5.5 Penutup 124

RUJUKAN 126

LAMPIRAN 133

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Model Kepimpinan Instruksional Murphy (1990)	29
3.1	Populasi Guru Daerah Kinta Selatan	52
3.2	Item Soal Selidik	53
3.3	Skala Likert 5 Bagi Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua	54
3.4	Skala Likert 5 Bagi Penerimaan VLE FROG	54
3.5	Analisis Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	56
3.6	Jadual Statistik Item Bahagian B	57
3.7	Jadual Statistik Item Bahagian C	58
3.8	Kaedah Analisis Data	60
3.9	Skor Min Dan Interpretasinya (Tahap)	61
3.10	Interpretasi Skor Min Amalan Kepimpinan Instruksional	62
3.11	Interpretasi Skor Min Penerimaan VLE FROG	64
3.12	Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pembolehubah	65
4.1	Ujian Normaliti statistik inferensi (n=296)	69
4.2	Ujian Normaliti statistik inferensi (n=291)	69
4.3	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	70
4.4	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Umur	71

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Mengajar	72
4.6	Analisis Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua	74
4.7	Mentakrif Matlamat Sekolah	75
4.7a	Elemen Merangka Matlamat Sekolah	76
4.7b	Elemen Menjelaskan Matlamat Sekolah	77
4.8	Mengurus Program Instruksional	78
4.8a	Elemen Menyelia dan Membuat Penilaian Instruksional	79
4.8b	Elemen Menyelaras Kurikulum	80
4.8c	Elemen Memantau Perkembangan Murid	81
4.9	Menggalakkan Iklim Sekolah	83
4.9a	Elemen Menjaga Masa Pengajaran	84
4.9b	Elemen Menggalakkan Perkembangan Profesional	86
4.9c	Elemen Mengekalkan Sokongan Pembelajaran	88
4.9d	Elemen Menyediakan Insentif Guru	89
4.9e	Elemen Menyediakan Insentif Murid	91
4.10	Analisis Tahap Penerimaan VLE FROG	92
4.11	Analisis Ujian-t Perbezaan Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua Berdasarkan Faktor Jantina Pengetua	94
4.12	Analisis Ujian-t Perbezaan Amalan Tiga Dimensi Kepimpinan Instruksional Pengetua Berdasarkan Faktor Jantina Pengetua	94
4.13	Analisis Ujian-t Perbezaan Tahap Penerimaan VLE FROG Berdasarkan Jantina Guru	97
4.14	Analisis ANOVA Sehala di antara Umur Guru dan Tahap Penerimaan VLE FROG	98

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.15	Analisis Ujian Post Hoc bagi ANOVA Sehala di antara Umur Guru dan Tahap Penerimaan VLE FROG	99
4.16	Analisis ANOVA Sehala di antara Tempoh Pengalaman Mengajar Guru dan Tahap Penerimaan VLE FROG	100
4.17	Analisis Korelasi Kepimpinan Instruksional Pengetua dengan Penerimaan VLE FROG	101
4.18	Analisis Korelasi Tiga Dimensi Kepimpinan Instruksional dengan Penerimaan VLE FROG	102

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	13
2.1	Kerangka kepimpinan pengajaran oleh Hallinger dan Murphy (1985)	27
2.2	Kerangka kepimpinan pengajaran oleh Hallinger (2000)	30
2.3	Technology Acceptance Model (TAM)	38
2.4	Technology Acceptance Model (TAM) 2	39
2.5	Unified Theory Of Accaptance and Use of Technology (UTAUT)	41
3.1	Pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar kajian	49

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	*Analysis of Variance*
IAB	Institut Aminuddin Baki
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPI	*Key Performance Indicators*
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PIMRS	*Principal Instructional Management Rating Scale*
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SPSS	*Statistical Packages For The Social Science*
TAM	*Technology Acceptance Model*
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UTAUT	*The Unified Theory of Acceptance and Use of Technology*
VLE	*Virtual Learning Environment*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A Soal Selidik

Lampiran B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian

Lampiran C Keputusan Analisis Ujian Normaliti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Aspirasi Malaysia ialah untuk berada sebaris negara-negara maju yang lain dalam abad ke-21 ini. Seiring dengan aspirasi ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan kajian semula, merangka, merancang, dan melakukan transformasi ke atas sistem pendidikan di negara kita dalam konteks standard pendidikan antarabangsa yang kian meningkat. Transformasi ini dilaksanakan ke arah mempersiapkan generasi muda dengan kemahiran abad ke-21 serta berdaya saing di peringkat antarabangsa (PPPM, 2013).

Perubahan dalam sistem pendidikan negara ini sangat berkait rapat dengan kesediaan sekolah sebagai platform penggerak kepada kejayaan sesuatu perubahan yang ingin dilaksanakan. Kualiti kepimpinan sekolah merupakan faktor berasaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah yang kedua terpenting selepas kualiti guru dalam menentukan keberhasilan dan kemenjadian murid serta dapat memperkasa warga sekolah secara berkesan (Abdul Ghani, 2011).

Guru dipandang sebagai aset bagi sesebuah sekolah. Namun, guru yang baik dan cemerlang sahaja tidak memadai. Realitinya perlu wujud budaya kolaboratif dan ekologi dalam komuniti sekolah yang saling sokong-menyokong antara satu sama lain (Naicker, Chikoko, & Mthiyane, 2013). Beberapa kajian tentang kepimpinan sekolah menunjukkan bahawa pemimpin sekolah yang cemerlang ialah pemimpin yang memberikan tumpuan terhadap kepimpinan instruksional dan bukannya kepimpinan pentadbiran (Eng & Ramiah, 2013). Impak dan kesan yang diberikan oleh seorang pengetua yang mantap adalah sama signifikannya seperti guru berprestasi tinggi (PPPM, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar belakang kajian

Dalam abad ke-21, amalan kepimpinan instruksional adalah sangat relevan dan dapat menyumbang kepada kecemerlangan sekolah (Hallinger, 2005). Keberkesanan amalan kepimpinan instruksional turut dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (PIPP, 2007). Seorang pemimpin instruksional yang berjaya menjadi agen perubahan dan mewujudkan persekitaran kondusif di sekolah dengan beberapa penambahbaikan baru dapat memberi impak yang signifikan dalam kecemerlangan murid. Tanggungjawab pemimpin instruksional adalah memastikan pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti akademik dirancang dan dilaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan baik, proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan lancar serta melaksanakan pengurusan akademik yang teratur agar guru dapat mengajar dengan berkesan (Alimuddin, 2010).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu pelan transformasi pendidikan ke arah menyediakan pendidikan abad ke-21. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan pula adalah salah satu agenda yang dinyatakan dalam pelan tindakan tersebut. Kini, pendekatan pengajaran konvensional telah berubah daripada pembelajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan murid yang boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (PPPM, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

E-pembelajaran mewakili anjakan inovatif dalam bidang pembelajaran sejajar dengan penerapan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. E-pembelajaran yang juga dikenali sebagai pembelajaran maya, adalah merupakan satu platform komunikasi berasaskan web yang membolehkan akses pantas kepada pengetahuan serta maklumat tertentu tanpa batasan masa dan tempat. Masa dan tempat boleh disesuaikan berdasarkan kepada keadaan dan kemahuan murid. Selain itu, penyediaan dan penggunaan material multimedia adalah tidak terhad dan murid dapat mengulang kembali pembelajaran terdahulu serta membuat ulang kaji menerusi e-pembelajaran (Norasyikin & Mohd Isa, 2016).

Projek Perkhidmatan 1BestariNet (1BestariNet) adalah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM dan dilaksanakan dengan kerjasama YTL Communications Sdn. Bhd. untuk meningkatkan hubungan teknologi maklumat dan komunikasi di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah (Jabatan Audit Negara, 2013). Inisiatif ini adalah penambahbaikan kepada perkhidmatan SchoolNet bersama-sama dengan persekitaran pembelajaran maya (VLE) FROG. Di bawah 1BestariNet, 10,000 buah sekolah di Malaysia mempunyai akses Internet 4G berkelajuan tinggi dan platform pembelajaran maya yang menyediakan sambungan internet berkelajuan tinggi dan akses kepada penyelesaian pembelajaran bersepadu (Nor Zaira, Zolkefli, & Mohd Kasri, 2016). 1BestariNet berkhidmat sebagai pemangkin utama untuk penembusan internet di Malaysia dan unjuran peningkatan pendapatan negara .

Dalam kerancakan KPM melaksanakan transformasi ke arah pembelajaran maya, perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah berkaitan bagaimana seorang pengetua yang bertindak sebagai pemimpin instruksional harus memainkan peranannya dalam menjayakan semua transformasi yang ingin dilaksanakan di sekolah ini. Ini adalah penting kerana desakan dan tuntutan dunia pendidikan hari ini sangat mencabar bagi guru-guru selaku pelaksana dan pendokong aspirasi pendidikan negara.

Perlaksanaan VLE FROG sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran harus dibuat secara terancang dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk tahap kesediaan guru (Mainah & Ramesh, 2014). Justeru, seluruh warga sekolah di Malaysia khususnya pengetua harus memainkan peranan masing-masing untuk memastikan aplikasi pembelajaran maya ini dimanfaatkan untuk kemajuan pendidikan di Malaysia. Pengetua bertanggungjawab mewujudkan budaya persepsi positif guru terhadap teknologi VLE FROG dan harus memastikan sekolah mempunyai strategi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang terbaik untuk menjayakan adaptasi ini (Raj, Arokiasamy, Ghani, & Ismail, 2015).

Daripada analisis kajian literasi, terdapat kajian-kajian mengenai pelaksanaan VLE FROG di sekolah-sekolah (Muhoza, Tedre, Aghaee, & Hansson, 2014 ; Saiful Afzan, Lazim, Ali, & Yusof, 2014 ; Mainah & Ramesh, 2014 ; Farhana, 2013 ; Ros Ayu, Mohd Lazim, Wan Salihin, & Mohd Rashid, 2013 ; Van Raaij & Schepers, 2008 ;) namun masih belum terdapat banyak kajian dibuat berkaitan penglibatan peranan kepimpinan sekolah dalam menjayakan perlaksanaan VLE FROG ini. Ini turut dipersetujui dan telah ditegaskan oleh McLeod (2011) dalam kajiannya berkaitan kepimpinan pengetua dan adaptasi teknologi baru. Beliau berpendapat kajian penglibatan pemimpin dalam pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi di sekolah adalah sangat perlu kerana belum terdapat banyak kajian yang memfokuskan kepada isu tersebut. Kajian sedia ada didapati hanya berfokus kepada masalah penggunaan VLE FROG dalam kalangan pelajar dan guru (Saiful Afzan, Lazim, Ali, & Yusof, 2014), cabaran pengajaran dan pembelajaran VLE di dalam bilik darjah (Mainah & Ramesh, 2014), dan juga isu-isu yang berkaitan dengan unsur-unsur yang mempengaruhi perlaksanaan VLE FROG (Ros Ayu, Mohd Lazim, Wan Salihin, & Mohd Rashid, 2013).

1.3 Pernyataan masalah

VLE FROG diwujudkan bagi melengkapkan sekolah-sekolah dengan penyelesaian bersepadu yang membolehkan pengajaran, pembelajaran, kerjasama, dan pentadbiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilaksanakan melalui satu aplikasi yang sama. Namun, Laporan Audit Negara 2013 melaporkan perlaksanaan pembelajaran maya menggunakan VLE FROG dalam sekolah di Malaysia adalah kurang daripada 5% iaitu di antara 0.01% hingga 4.69% sahaja (Jabatan Audit Negara, 2013). Ini menunjukkan bahawa keberhasilan bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam 1BestariNet adalah tidak seperti yang diharapkan.

KPM telah bekerja keras untuk memastikan bahawa guru-guru di sekolah menggunakan VLE FROG dan seterusnya merealisasikan anjakan ke tujuh PPPM iaitu Memanfaatkan ICT Bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran Di Malaysia (Jabatan Audit Negara, 2013). Tindakan sewajarnya juga telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jabatan Pendidikan Negeri Perak contohnya, bertindak melaksanakan program Gerak Gempur bermula November 2015 hingga tahun 2016 bertujuan meningkatkan penggunaan VLE FROG dalam pengajaran dan pembelajaran di semua sekolah dalam Negeri Perak. Program Gerak Gempur ini perlu dilaksanakan kerana berdasarkan analisis data *Dashboard* 1BestariNet pada minggu ke-46 (5-15 November 2015) menunjukkan tahap penggunaan VLE FROG di Negeri Perak ialah 2.43% sahaja dan masih tersasar jauh daripada mencapai KPI sebenar penggunaan teknologi tersebut iaitu sebanyak 19.2% (Jabatan Pendidikan Negeri Perak, 2016).

Apabila sesuatu perubahan diperkenalkan di sekolah contohnya VLE FROG ini, pengetua sebagai pemimpin instruksional adalah dipertanggungjawabkan bagi mengimplementasikan perubahan tersebut. Pengetua adalah agen perubahan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat sekolah dan sebagai agen perubahan, pengetua perlu dapat memberikan hala tuju pendidikan dan memimpin guru-guru supaya dapat berfungsi secara berkesan dengan cara memberikan bantuan, sokongan, dan menggalakkan guru-guru untuk mengamalkan serta melaksanakan sesuatu perubahan atau inovasi pendidikan di sekolah (Abdul Ghani, 2011).

Pengetua harus positif terhadap perubahan yang ingin dibawa dan turut menggunakan teknologi ini. Sikap pengetua terhadap teknologi ini akan menjadi tauladan kepada semua guru agar membudayakan penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran (Raj et al., 2015).

Perkara yang masih menjadi fokus dan tanda tanya ialah, adakah pengetua instruksional di sekolah telah memainkan peranan yang sewajarnya dalam perlaksanaan transformasi pendidikan terkini iaitu VLE FROG. Adakah pengetua berjaya mewujudkan kecenderungan guru-guru terhadap teknologi baru yang diperkenalkan dan adakah kepimpinan instruksional pengetua mempengaruhi tahap penerimaan VLE FROG dalam kalangan guru-guru. Oleh itu, kajian ini lebih tertumpu kepada mengkaji tahap kepimpinan instruksional pengetua sekolah dalam perlaksanaan VLE FROG yang dijayakan oleh golongan pelaksana kepada golongan sasar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan penerimaan VLE FROG di sekolah-sekolah menengah dalam Daerah Kinta Selatan, Perak. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

i. Mengukur tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah menengah dalam Daerah Kinta Selatan bagi tiga dimensi kepimpinan instruksional.

ii. Mengukur tahap penerimaan VLE FROG di kalangan guru-guru sekolah menengah Daerah Kinta Selatan bagi empat faktor penerimaan VLE FROG.

iii. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah menengah di Daerah Kinta Selatan bagi tiga dimensi kepimpinan instruksional berdasarkan jantina pengetua.

iv. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap penerimaan VLE FROG di kalangan guru-guru berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, dan tempoh pengalaman mengajar.

v. Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan penerimaan VLE FROG di sekolah.

1.5 Soalan kajian

Bagi mencapai tujuan kajian, maka kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan kajian yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Apakah tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah menengah di Daerah Kinta Selatan bagi tiga dimensi kepimpinan instruksional?

ii. Sejauhmanakah tahap penerimaan VLE FROG di kalangan guru-guru sekolah bagi empat faktor penerimaan VLE FROG?

iii. Adakah terdapat perbezaan tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah menengah di Daerah Kinta Selatan bagi tiga dimensi kepimpinan instruksional berdasarkan jantina pengetua?

iv. Adakah terdapat perbezaan tahap penerimaan VLE FROG di kalangan guru-guru berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, dan tempoh pengalaman mengajar?

v. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan penerimaan VLE FROG di sekolah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Berikut ialah hipotesis yang diuji di dalam kajian ini.

Hipotesis nol yang disarankan bagi soalan kajian ketiga ialah:

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah menengah di Daerah Kinta Selatan bagi tiga dimensi kepimpinan instruksional berdasarkan jantina pengetua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis nol yang disarankan bagi persoalan kajian keempat ialah:

Ho2 Tidak terdapat perbezaan tahap penerimaan VLE FROG di kalangan guru-guru berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, dan tempoh pengalaman mengajar.

Ho2a Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penerimaan VLE FROG di kalangan guru-guru berdasarkan jantina.

Ho2b Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penerimaan VLE FROG di kalangan guru-guru berdasarkan umur.

Ho2c Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penerimaan VLE FROG di kalangan guru-guru berdasarkan tempoh pengalaman mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis nol yang disarankan bagi soalan kajian kelima ialah:

Ho3 Tidak terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan penerimaan VLE FROG di sekolah.

1.7 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual bagi kajian ini dibina berdasarkan kepada gabungan Model Kepimpinan Instruksional Hallinger (2000), *Unified Theory of the Acceptance and Use of Technology (UTAUT)* oleh Venkatesh, Morris, dan Davis (2003) dan juga kerangka kajian oleh Oliveira, Cortimiglia, dan Longhi (2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi